



## Penggunaan Bahasa Sindiran dalam Filem Ali Baba Bujang Lapok

Nurul Syahirah Che Din<sup>1</sup> · Nora'azian Haji Nahar<sup>2\*</sup>

<sup>1,2</sup>*Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

\*E-mel pengarang koresponden: [noraazian@iium.edu.my](mailto:noraazian@iium.edu.my)

### ABSTRAK

Kegagalan masyarakat dalam memahami maksud sebenar di sebalik ujaran bahasa sindiran menyebabkan mesej dan kritikan yang ingin disampaikan tidak difahami. Kepelbagaian jenis bahasa sindiran menyukarkan masyarakat untuk menginterpretasi maknanya. Selain itu, penyampaian sesuatu ujaran bergantung pada keadaan psikologi penutur yang membawa kepada kesan yang berbeza berdasarkan penerimaan pendengar. Sekiranya masyarakat tidak mempunyai pengalaman dalam penggunaan bahasa sindiran, mereka akan menganggap bahasa sindiran menyampaikan makna tersurat. Dengan mengaplikasi Teori Kerangka Keraf (2007), kajian ini akan mengklasifikasikan bahasa sindiran kepada tiga jenis (ironi, sinisme, sarkastik). Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti bahasa sindiran yang terdapat dalam Filem Ali Baba Bujang Lapok, menghuraikan maksud tersirat bagi bahasa sindiran yang terdapat dalam filem tersebut dan menganalisis kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem tersebut terhadap masyarakat. Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif dengan mentranskripsi filem Ali Baba Bujang Lapok dan melakukan temu bual separa berstruktur kepada seramai 20 orang subjek kajian. Semua kategori umur yang ditemu bual (*Baby boomers*, generasi X, generasi Y, dan generasi Z) mendapati bahawa bahasa sindiran juga memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kehidupan yang ditayangkan di media sosial, filem dan sebagainya kadang kala jauh dari realiti. Hasil penemuan baharu dalam kajian ini ialah bahasa sindiran dalam filem Ali Baba Bujang Lapok memberikan impak yang lucu tetapi bermakna kepada masyarakat.

*Kata kunci: Bahasa Sindiran, baby boomers, generasi X, generasi Y, generasi Z*

### PENGENALAN

Komunikasi merupakan sebuah elemen penting untuk menyampaikan mesej, perasaan, dan sebagainya. Komunikasi antara manusia boleh wujud secara langsung mahupun tidak langsung. Tambahan pula, komunikasi boleh berlaku secara bersemuka mahupun tidak dengan menjadikan orang lain sebagai perantara, dan menerusi media cetak mahupun elektronik seperti majalah, radio, dan televisyen (filem). Filem merupakan sumber hiburan dan instrumen komunikasi yang dapat digunakan untuk menyampaikan mesej atau pesan dengan mudah kepada penonton. Hal ini dikatakan demikian kerana filem mempunyai pengaruh yang besar terhadap kelakuan penonton terutamanya golongan remaja dan kanak-kanak. Namun, golongan dewasa juga tidak terkecuali

(Norinawati, 2007). Oleh itu, manusia memerlukan komunikasi untuk mengungkapkan gagasan, keinginan dan sebagainya menggunakan instrumen komunikasi iaitu bahasa.

Bahasa boleh didefinisikan sebagai suatu alat perantaraan dalam komunikasi yang utama untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Menurut Nur Atikah Mohd Noor (2010), bahasa merupakan kebolehan semula jadi iaitu sistem lambang yang dipersetujui dan digunakan untuk berkomunikasi oleh sekumpulan manusia. Bahasa digunakan untuk menyampaikan maklumat, perasaan dan keinginan kepada individu yang lain. Walau bagaimanapun, pentafsiran yang betul adalah penting agar maklumat atau pesanan yang ingin disampaikan dapat difahami. Penggunaan bahasa yang mempunyai makna tersirat boleh mendatangkan kesan yang negatif mahupun positif, bergantung kepada cara seseorang menerimanya. Penggunaan bahasa yang mengandungi maksud tersembunyi ini dikenali sebagai bahasa sindiran. Perkara ini senada dengan pendapat Keraf (2007), yang menyatakan bahawa bahasa sindiran ialah satu bentuk ungkapan yang mengandungi maksud tersirat atau bertentangan dengan perkara yang dikatakan oleh seseorang.

Jelasnya, penggunaan bahasa sindiran perlu didedahkan melalui filem-filem lama kepada generasi muda bagi menghidupkan kembali nilai ketinggian budi bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Kajian dijalankan bersandarkan tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti bahasa sindiran yang terdapat dalam filem *Ali Baba Bujang Lapok*, menghuraikan maksud tersirat bagi bahasa sindiran dan menganalisis kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem tersebut terhadap masyarakat.

## PERNYATAAN MASALAH

Filem merupakan alat yang paling berpengaruh kepada penonton. Sepanjang pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semua peringkat umur dari *Baby Boomers*, generasi X, generasi Y, generasi Z dan generasi Alfa (Alpha) disogok dengan filem-filem dari Barat. Dialog dan aksi daripada para pelakon sering menjadi ikutan penonton terutama kanak-kanak generasi Alfa yang mempunyai karakteristik yang khusus kerana menguasai teknologi dan tidak suka dibatasi peraturan (Dina Rahmawati, 2023). Banyak konflik yang terjadi disebabkan komunikasi yang dilakukan tidak efektif lebih-lebih lagi filem-filem yang banyak menyelitkan bahasa sindiran yang kurang difahami oleh generasi sekarang (Saidatun Aishah Mashori et. al. (2022).

Penafsiran yang salah terhadap sesuatu ujaran menyebabkan mesej, pengajaran dan kritikan terhadap masyarakat yang ingin disampaikan oleh seseorang tidak difahami. Terutamanya dalam filem-filem lama seperti filem Melayu *Ali Baba Bujang Lapok* yang banyak menggunakan bahasa sindiran dalam menyampaikan mesej atau menegur penonton. Tambahan pula, filem-filem tersebut tidak menjadi pilihan untuk tontonan generasi kini kerana bahasa yang mengandungi maksud tersirat berbeza dengan perkara yang sebenarnya ingin diperkatakan (Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof, 2020). Generasi Alfa dan Generasi Z yang lahir pada abad ke-21 amat berbeza dari segi karakter dengan *baby boomers* yang lahir pada zaman filem-filem Melayu dihasilkan. Karakter generasi X, Y, dan Z dipengaruhi oleh peristiwa, budaya atau politik yang terjadi dalam tempoh tersebut. Sejak lahir generasi Alfa dikelilingi oleh pelbagai gajet dan teknologi menyebabkan mereka celik teknologi. Generasi Z dan Alfa tidak jauh perbezaannya kerana sama-sama dikelilingi dengan teknologi. Berbeza dengan generasi *Baby Boomers* yang lahir pada pascaperang. Karakteristiknya bekerja keras, mandiri, dan kompetitif sehingga sering bertentangan dengan generasi muda sekarang. Generasi X pula lebih individualistik dan skeptis manakala generasi Y lebih fleksibel dan toleransi dengan perubahan.

Kajian berkaitan dengan penggunaan bahasa sindiran (ironi, sinisme dan sarkastik) telah dijalankan oleh Norinawati (2007), Atikah Mohd Noor (2010), Siti Norsyahida Mohd A Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2017), Ezzah 'Afifah Nasrudin (2019) dan Saidatun Aisyah Mashori et.

al. (2022). Namun begitu, kajian ini ingin dilaksanakan bagi memperlihatkan pemikiran masyarakat Melayu dari sudut kebijaksanaan dan keindahan dalam berbahasa di samping mengangkat dan mengekalkan tradisi keistimewaan bahasa dan Kesusasteraan Melayu selain mencari titik kefahaman antara golongan *Baby Boomers* dengan generasi muda kini.

## **METODOLOGI**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Pengkaji melakukan penelitian secara terperinci terhadap dialog bahasa sindiran yang telah ditranskripsi daripada filem Ali Baba Bujang Lapok. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan bahasa sindiran dalam filem Ali Baba Bujang Lapok dan menghuraikan maksud tersirat bagi bahasa sindiran yang terdapat dalam filem tersebut bersandarkan Teori Kerangka Keraf (2007) yang mengklasifikasikan bahasa sindiran kepada 3 jenis iaitu ironi, sinisme dan sarkastik. Jika diteliti dengan lebih mendalam, sindiran ironi dalam teori yang dikeluarkan oleh Keraf (2007) menyatakan bahawa sindiran yang diujarkan dalam pernyataan adalah berbeza daripada makna literal. Selain itu, sindiran sinisme merupakan sindiran yang lebih kasar daripada ironi yang meragui keikhlasan atau ketulusan hati penutur. Sindiran sarkastik pula merupakan sejenis sindiran yang menggunakan kata-kata kasar dengan tujuan untuk menyindir seseorang atau sekumpulan masyarakat. Data-data yang diperoleh dikemukakan dalam bentuk jadual dan diklasifikasikan kepada tiga jenis bahasa sindiran iaitu ironi, sinisme dan sarkastik.

Selain itu, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk menganalisis kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem terhadap masyarakat. Pengkaji menemu bual 20 orang subjek kajian yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan kategori iaitu *baby boomers*, generasi X, generasi Y, dan generasi Z. Sampel yang mempunyai ciri-ciri yang berupaya untuk memberikan maklumat bagi menjawab objektif ketiga kajian telah dipilih secara rawak. Berdasarkan pendapat Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016), pengkaji menggunakan pensampelan secara kebetulan yang bersifat mudah capai dan penglibatan subjek kajian secara sukarela untuk ditemu bual. Akhirnya, data-data yang diperoleh hasil daripada temu bual yang telah dijalankan, dikemukakan dalam bentuk jadual dan diklasifikasikan mengikut kategori umur.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini akan membentangkan hasil dapatan berdasarkan tiga objektif kajian, iaitu mengenal pasti bahasa sindiran yang terdapat dalam filem Ali Baba Bujang Lapok, menghuraikan maksud tersirat bagi bahasa sindiran yang terdapat dalam filem Ali Baba Bujang Lapok, dan menganalisis kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem P.Ramlee terhadap masyarakat. Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu analisis maksud tersirat bahasa sindiran yang terdapat dalam filem Ali Baba Bujang Lapok dan kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem terhadap masyarakat.

### **Bahasa sindiran yang terdapat dalam filem ali baba bujang lapok**

Bahagian ini menyenaraikan bahasa sindiran yang digunakan dalam filem Ali Baba Bujang Lapok. Sebahagian ujaran bahasa sindiran yang digunakan dalam filem Ali Baba Bujang Lapok dapat dilihat melalui Jadual 1:

**Jadual 1:** Sebahagian bahasa sindiran yang terdapat dalam filem Ali Baba Bujang Lapok

Jenis	Data	Ujaran
Ironi	1	Norsiah: Oh, kalau begitu kanda jadi perempuan ya. Dinda jadi laki-laki. Baik, sekarang biar kanda masak. Dinda cari kerja.
	2	Chief: Ya.. bagus. Macam kuda belang.
	3	Norsiah: Kenapa kanda bukak baju tak bukak topi?
Sinisme	4	Penjual belacan: Benar Cik Siti, jual candu ada lesen.. jual ganja ada lesen.. tetapi jual belacan tak ada lesen.. saya <i>smuggle</i> dari Malaya.
	5	Norsiah: Dari mana kanda curi wang ini?
	6	Ali Baba: “Oh, Tauke sanggup jahit itu barang? Pergi jahit...”
Sarkastik	7	Kassim Baba: Err...alampak...ini macam lama-lama bankrap.. sial habis jahanam...kanda pendeknya...Allah.
	8	Sarjan: Oi, apa kau orang bikin di dalam lagi..hah! Apa kau orang kerja sikit pun malas ke? Bodoh!
	9	Chief: celaka.... penyamun..... sial! bikin.... rosaklah.... ana punya program....

**Maksud Tersirat Bagi Bahasa Sindiran Yang Terdapat Dalam Filem Ali Baba Bujang Lapok**

Bahagian ini akan menghuraikan maksud bagi ujaran bahasa sindiran yang terdapat dalam filem Ali Baba Bujang Lapok mengikut jenis bahasa sindiran.

**Sindiran Ironi**

Bahasa sindiran jenis ironi merupakan satu bahasa yang mempunyai makna yang berbeza atau bertentangan dari perkara yang sebenarnya diperkatakan. Tambahan pula, sindiran jenis ironi ini

diujarkan secara halus dan kebiasaannya dilakukan secara gurauan tidak langsung dengan tujuan untuk mengejek. Oleh itu, pemilihan data diambil kerana menepati aspek bahasa sindiran ironi berdasarkan Kerangka Keraf (2007), iaitu mempunyai makna yang berlainan dengan ujaran yang diujarkan oleh watak-watak yang terdapat dalam filem Ali Baba Bujang Lapok. Ujaran ironi dapat dilihat pada ujaran yang diujarkan oleh watak Norsiah, iaitu:

**“Oh, kalau begitu kanda jadi perempuan ya. Dinda jadi laki-laki. Baik, sekarang biar kanda masak. Dinda cari kerja.”**

Terdapat kata ironi dalam ujaran di atas kerana ungkapannya bersifat halus tetapi mempunyai makna di sebalik ujaran tersebut. Ironi berlaku sekiranya terdapat percanggahan antara sesuatu yang diharapkan dengan perkara sebenar (Rahman Shaari, 2002). Cara penyebutan ujaran tersebut adalah tidak terlalu kasar, tetapi boleh membuatkan seseorang memahami perkara yang diujarkan. Berdasarkan ujaran, makna yang terdapat di sebalik ujaran tersebut ialah penutur memerli suaminya Ali Baba yang seakan bertukar peranan kerana meminta untuk dihantar pulang ke rumah orang tuanya sedangkan beliau merupakan ketua keluarga. Tambahan pula, sebagai ketua keluarga beliau sepatutnya menjalankan tanggungjawabnya untuk mencari nafkah bagi menyara keluarga bukannya menghabiskan masa di rumah tanpa melakukan apa-apa. Ujaran tersebut ditujukan kepada insan yang bergelar suami yang tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Selain itu, penggunaan kata ironi dapat dilihat dalam ujaran yang diujarkan oleh watak Chief, iaitu:

**“Ya.. bagus. Macam kuda belang.”**

Berdasarkan ujaran tersebut, penggunaan kata ‘bagus’ yang membawa maksud berkeadaan atau bersifat baik dan memuaskan hati. Namun, maksud yang disampaikan oleh penutur ialah bertentangan dengan makna sebenar, iaitu menunjukkan bahawa pakaian yang dipakai oleh para penyamun tidak memuaskan hati. Maksud sebenar di sebalik ujaran tersebut ialah penutur ingin menyatakan bahawa beliau tidak berpuas hati dengan pakaian para penyamun yang berbelang seperti corak yang terdapat pada kuda belang. Tambahan pula, sindiran jenis ironi menunjukkan amalan berpura-pura kerana menyembunyikan maksud sebenar secara halus, walaupun halus kedengaran, sebenarnya berniat kasar supaya orang lain tidak bertindak balas dengan emosi yang keterlaluan (Ainiyah Ekowati, Stela Talitha, dan Rima Rosita, 2021). Justeru, bahasa sindiran jenis ironi mengandungi makna tersembunyi yang lebih kompleks daripada yang diperkatakan. Ujaran yang seterusnya diujarkan oleh watak Norsiah, iaitu:

**“Kenapa kanda bukak baju tak bukak topi?”**

Dalam ujaran di atas, terdapat kata ironi kerana ungkapan tersebut disampaikan dengan cara yang tidak jelas. Bahasa sindiran ironi adalah bentuk sindiran yang disampaikan secara halus (Arba'ie Sujud, 2010). Justeru, makna sebenar di sebalik ujaran tersebut ialah penutur menyindir cara berpakaian masyarakat yang disampaikan melalui babak yang dilakonkan oleh Ali Baba. Babak tersebut menunjukkan cara pemakaian Ali Baba yang memakai topi tetapi tidak memakai baju.

### **Sindiran Sinisme**

Sindiran jenis sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk keraguan yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan hati seseorang. Tambahan pula, sindiran jenis sinisme ini merupakan

sindiran yang lebih kasar daripada sindiran jenis ironi (Saidatun Aishah Mashori et. al, 2022). Ujaran bahasa sindiran sinisme yang pertama adalah diujarkan oleh watak penjual belacan, iaitu:

**“Benar Cik Siti. Jual candu ada lesen. Jual ganja ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen. Saya *smuggle* dari Malaya.”**

Berdasarkan ujaran di atas, kita dapat lihat bahawa ujaran tersebut mengandungi sindiran yang pedas dan tajam. Makna di sebalik ujaran ialah candu dan ganja boleh dijual secara terbuka, tetapi belacan terpaksa dijual secara senyap-senyap kerana bimbang dirampas dan ditangkap oleh pihak berkuasa. Allahyarham Tan Sri P. Ramlee secara sinis mengatakan bahawa pihak berkuasa undang-undang mungkin menghadapi masalah kerana terlalu banyak perkara yang salah dilakukan secara terbuka, manakala perkara yang baik perlu dilakukan secara rahsia. Tambahan pula, sindiran ini merupakan teguran beliau terhadap sesebuah negara yang tidak melaksanakan undang-undang secara adil dan telus. Penjelasan ini diperkuat oleh pendapat Keraf (2007) yang menyatakan bahawa sinisme diertikan sebagai suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati. Di samping itu, ungkapan yang diujarkan oleh watak Norsiah, iaitu:

**“Dari mana kanda curi wang ini?”**

Berdasarkan ayat tersebut, Norsiah telah menyindir suaminya Ali Baba yang membawa pulang banyak wang emas sedangkan beliau merupakan seorang yang malas untuk bekerja. Hal ini menyebabkan Norsiah meragui pekerjaan yang dilakukan oleh suaminya sehingga mampu untuk memperoleh keuntungan sebegitu banyak dalam masa sehari. Bahasa sindiran jenis sinisme biasa digunakan sebagai sindiran dengan pandangan atau pernyataan yang mengejek atau memandang rendah (Marjan et. al, 2021). Di samping itu, ujaran yang mengandungi sindiran sinisme diujarkan oleh watak Ali Baba, iaitu:

**“Oh, Tauke sanggup jahit itu barang? Pergi jahit...”**

Ujaran tersebut tergolong dalam sindiran jenis sinisme. Hal ini dikatakan demikian kerana intonasi dan nada suara yang digunakan sewaktu mengujarkan ujaran tersebut adalah sedikit kasar dan seolah-olah meragui komitmen Tauke sebagai seorang tukang jahit. Sinisme merupakan ungkapan yang bersifat mencemuh fikiran atau idea tentang sesuatu kebaikan yang terdapat pada manusia (Abdul Aziz, 2007). Tambahan pula, Gaya bahasa sinisme adalah gaya bahasa yang berupa sindiran berbentuk ejekan terhadap ketulusan diri. Hal ini disokong oleh pernyataan daripada Hardiningtyas, (2017) dalam kajian Dian Uswatun Hasanah, Ferdian Achsani dan Iqbal Syahrul (2019) yang menegaskan bahawa sinisme adalah ironi yang lebih kasar sifatnya. Jika diteliti dengan lebih mendalam, makna di sebalik ujaran tersebut ialah P. Ramlee ingin menyindir sikap sesetengah pekerja atau pengusaha yang memilih untuk melakukan sesuatu pekerjaan sekiranya mendapatkan bayaran yang lumayan.

### **Sindiran Sarkastik**

Sindiran jenis sarkastik merupakan bahasa yang bersifat kasar dengan tujuan untuk menyindir, mengkritik, mengejek dan sebagainya tanpa mengambil berat tentang perasaan orang lain. Bahasa sindiran sarkastik sering digunakan apabila seseorang berasa marah dan tidak dapat mengawal emosi. Berdasarkan Kerangka Keraf (2007), sarkastik merupakan penggunaan kata-kata kasar untuk mempersendakan seseorang atau sekumpulan masyarakat. Berdasarkan ungkapan yang diujarkan oleh watak Kassim Baba, iaitu:

**“Err...alamak...ini macam lama-lama bankrap.. sial habis jahanam... kanda pendeknya... Allah.”**

Dalam ujaran di atas, terdapat penggunaan kata sindiran yang berbentuk sarkastik, iaitu ‘sial’ dan ‘jahanam’. Gaya bahasa sarkastik lebih bersifat menghina dan kesat sehingga mengguris hati pendengar (Tarigan dan Henry Guntur, 2009). Justeru, makna di sebalik ujaran tersebut ialah penutur ingin menyindir sikap Ali Baba yang gemar meminjam tetapi tidak memulangkannya. Sekiranya perkara ini berterusan, beliau mungkin menghadapi risiko bankrap. Melalui ujaran tersebut, kita dapat melihat bahawa Kassim Baba sangat marah dengan sikap Ali Baba sehingga tidak dapat mengawal emosinya. Hal ini yang mengakibatkan beliau memilih untuk menggunakan bahasa sindiran secara sarkastik. Di samping itu, penggunaan sindiran yang berbentuk sarkastik dapat dilihat pada ujaran yang ujarakan oleh watak Sarjan, iaitu:

“Oi, apa kau orang bikin di dalam lagi..hah! **Apa kau orang kerja sikit pun malas ke? Bodoh!**”

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat perkataan sindiran yang berbentuk sarkastik, iaitu ‘bodoh’ yang menggambarkan seseorang yang tidak pandai. Dalam ujaran ini, penutur menggelar para penyamun dengan bahasa sindiran yang sarkastik, iaitu ‘bodoh!’. Hal ini dikatakan demikian kerana penutur ingin mencemooh sikap penyamun yang tidak cekap dalam menjalankan tugas. Tambahan pula, Sarjan berasa marah dengan sikap malas dan curi tulang yang ditunjukkan oleh watak penyamun. Sindiran sarkastik tidak dinyatakan secara sinis tetapi dinyatakan untuk meluahkan kemarahan kepada seseorang (Arba’ie Sujud, 2015). Di samping itu, ungkapan yang diujarkan oleh watak Chief, iaitu:

“**celaka.... penyamun..... sial! bikin.... rosaklah.... ana punya program....**”

Dalam ujaran di atas, terdapat kata sindiran sarkastik iaitu ‘celaka’ dan ‘sial’. Kata celaka membawa maksud malang, sesuatu yang membawa penderitaan. Selain itu, kata sial pula membawa maksud tidak beruntung, tidak bernasib baik, dan malang. Kata sindiran sarkastik tersebut digunakan oleh penutur untuk menyakiti orang yang ditujukan. Maksud di sebalik ujaran tersebut ialah Chief menyindir para penyamun yang tidak mengikuti rancangan yang telah ditetapkan olehnya. Hal ini menimbulkan kemarahan di dalam dirinya kepada para penyamun kerana sikap mereka yang merosakkan rancangannya. Hal ini menunjukkan bahawa ujaran dalam data yang terpilih dikaitkan dengan teguran atau kritikan yang bersifat celaan selaras dengan makna sarkastik berdasarkan Kerangka Keraf (2007).

### **Kesan Penggunaan Bahasa Sindiran Dalam Filem Terhadap Masyarakat**

Bahagian ini akan menganalisis kesan penggunaan bahasa sindiran terhadap masyarakat mengikut kategori umur.

#### ***Baby Boomers***

*Baby boomers* merupakan golongan masyarakat yang berumur antara 57 tahun hingga 75 tahun (Nazurah Hassan, 2021). Justeru, pengkaji telah memilih subjek kajian yang berumur antara 55 tahun hingga 60 tahun untuk ditemu bual. Berikut merupakan jawapan temu bual lima orang subjek kajian dalam kategori ini:

**Jadual 2:** Kesan penggunaan bahasa sindiran menurut *Baby Boomers*

Subjek kajian	Jawapan
---------------	---------

1	Dapat bagi pengajaran kepada kita. contoh macam dalam babak yang Kassim Baba nak rompak semua harta penyamun tu. dekat situ kita dapat tengok pengajaran, orang yang tamak selalu dapat akibat buruk.
2	sindiran ni boleh menyakitkan hati kalau sindiran tu kasar.
3	rasa kesal dengan sindiran tu tapi dapat mesej yang nak disampaikan.
4	dapat memberikan teguran kepada seseorang kalau dia faham maksud sebenar ayat tu.
5	banyak kesan dia. boleh bagi teguran. boleh dijadikan sebagai jenaka. Tapi kadang-kadang tu menyakitkan hati.

Berdasarkan jadual 2, dapat dilihat bahawa majoriti subjek kajian dalam kalangan *Baby Boomers* menyatakan bahawa kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem ini adalah mampu memberikan teguran atau pengajaran kepada masyarakat. Selain itu, bahasa sindiran juga boleh menyakitkan hati dan dijadikan sebagai jenaka.

### Generasi X

Generasi X merupakan golongan masyarakat yang berumur antara 41 tahun hingga 56 tahun (Nazurah Hassan, 2021). Justeru, pengkaji telah memilih subjek kajian yang berumur antara 45 tahun hingga 50 tahun untuk ditemu bual. Berikut merupakan jawapan temu bual lima orang subjek kajian dalam kategori ini:

**Jadual 3:** Kesan penggunaan bahasa sindiran menurut Generasi X

Subjek kajian	Jawapan
1	Buat penonton berfikir dengan lebih kreatif untuk tahu maksud yang disampaikan.
2	Teguran secara mendalam dan tersirat.
3	Ia berdasarkan pengalaman kehidupan sebenar dan ia berlaku dalam kehidupan sebenar. Oleh itu, ia digunakan sebagai nasihat kepada orang lain, jenaka atau sindiran dalam tafsiran kehidupan sebenar.
4	Masyarakat dapat mengaitkan apa yang disampaikan dalam filem pada apa yang berlaku di persekitaran.
5	Menegur atau menasihati seseorang tentang sesuatu perkara dalam keadaan yang tidak menyinggung perasaan atau menjatuhkan air muka seseorang .

Berdasarkan jadual 3, dapat dilihat bahawa majoriti subjek kajian dalam kalangan generasi X menyatakan bahawa kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem ini adalah mampu memberikan teguran kepada masyarakat. Selain itu, bahasa sindiran juga boleh dijadikan sebagai jenaka atau hiburan dan boleh membuatkan penonton berfikiran kreatif.

### Generasi Y



Generasi Y merupakan golongan masyarakat yang berumur antara 25 tahun hingga 40 tahun (Nazurah Hassan, 2021). Justeru, pengkaji telah memilih subjek kajian yang berumur antara 35 tahun hingga 40 tahun untuk ditemu bual. Berikut merupakan jawapan temu bual lima orang subjek kajian dalam kategori ini:

**Jadual 4:** Kesan penggunaan bahasa sindiran menurut Generasi Y

Subjek kajian	Jawapan
1	Kelakar, so filem ni menarik dan diminati ramai.
2	Memberi kesedaran.
3	Secara tidak langsung memberi pengajaran secara kelakar tetapi berkesan.
4	Menyelitkan bentuk nasihat secara tidak langsung.
5	Menyampaikan teguran yang pedas yang berkaitan dengan apa yang berlaku di dunia nyata. So bagus la untuk masa depan supaya generasi yang akan datang dapat tengok filem yang menarik ni dan ambil pengajaran.

Berdasarkan jadual 4, dapat dilihat bahawa majoriti subjek kajian dalam kalangan generasi Y menyatakan bahawa kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem ini adalah mampu memberikan teguran, nasihat dan pengajaran kepada masyarakat. Selain itu, bahasa sindiran juga boleh dijadikan sebagai jenaka dan boleh memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang perkara yang sedang berlaku di sekeliling.

### Generasi Z

Generasi Z merupakan golongan masyarakat yang berumur antara 6 tahun hingga 24 tahun (Nazurah Hassan, 2021). Justeru, pengkaji telah memilih subjek kajian yang berumur antara 19 tahun hingga 24 tahun untuk ditemu bual. Berikut merupakan jawapan temu bual lima orang subjek kajian dalam kategori ini:

**Jadual 5:** Kesan penggunaan bahasa sindiran menurut Generasi Z

Subjek kajian	Jawapan
1	Memberikan teguran. contohnya sikap menunjuk-nunjuk untuk menayangkan kekayaan, kelebihan dan kekuatan seseorang yang kadang kala jauh dari realiti
2	bahasa sindiran boleh memberikan mesej yang berkesan jika seseorang tu faham about bahasa sindiran tapi bagi orang yang tak faham apa tu bahasa sindiran mereka mungkin anggap tu hanyalah sebuah jenaka dalam filem tanpa mengetahui maksud di sebalik bahasa sindiran tu.
3	Dapat memupuk perasaan saling menghormati dalam menegur sesuatu perkara.
4	Menusuk kalbu. Boleh buat kita terasa hati dengan teguran yang diberikan.
5	Dapat memberi nasihat dan teguran tentang situasi sekeliling

Berdasarkan jadual 5, dapat dilihat bahawa majoriti subjek kajian dalam kalangan generasi Z menyatakan bahawa kesan penggunaan bahasa sindiran dalam filem ini adalah mampu memberikan teguran kepada masyarakat. Selain itu, bahasa sindiran juga boleh membuatkan seseorang terasa hati dan hanya dianggap sebagai jenaka bagi individu yang tidak memahami maksud tersirat di sebalik sindiran tersebut. Tambahan pula, penggunaan bahasa sindiran ini dapat memupuk sikap saling menghormati antara satu sama lain ketika ingin menegur.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, sifat bahasa sindiran yang merupakan sejenis bahasa yang tidak menyatakan maksud secara jelas menyebabkan sesetengah masyarakat tidak memahami mesej yang ingin disampaikan dalam filem Ali Baba Bujang Lapok ini. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap ujaran mempunyai mesej atau makna yang tersirat dan mengandungi kritikan sosial terhadap masyarakat. Tambahan pula, unsur estetika Melayu yang digambarkan secara tersirat yang berbentuk sindiran memperlihatkan pemikiran masyarakat Melayu dari sudut kebijaksanaan dan keindahan dalam berbahasa di samping mengangkat dan mengekalkan tradisi keistimewaan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Penggunaan bahasa sindiran bukan sahaja memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kehidupan yang ditayangkan di media sosial, filem dan sebagainya kadang kala jauh dari realiti. Tambahan pula, bahasa sindiran dalam filem Ali Baba Bujang Lapok memberikan impak yang lucu tetapi bermakna kepada masyarakat.

## RUJUKAN

- Ainiyah Ekowati, Stela Talitha & Rima Rosita. (2021, Disember 30). Gaya Bahasa Sindiran pada Lirik Lagu dalam Album Frekuensi Perangkap Tikus Volume Dua dan Implikasinya terhadap Pembelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia. *Pedagogia: Jurnal Ilmiah Pendidikan*.13(2), 57-61.
- Arba'ie Sujud. (2015, April 02). Bahasa dalam kesusasteraan melayu.
- Arba'ie Sujud. (2010). Apresiasi Bahasa: Interpretasi dan Ekspresi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dina Rahmawati. (2023). Karakteristik Generasi Alpha dan Cara Mendidiknya.
- Dian Uswatun Hasanah, Ferdian Achsani & Iqbal Syahrul Akbar Al Aziz. (2019, April). Analisis Penggunaan Gaya Bahasa pada Puisi-Puisi Karya Fadli Zon. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 5(1), 18-26
- Ezzah 'Afifah binti Nasrudin. (2019). Persepsi Golongan Remaja Terhadap Penggunaan Bahasa Sarkastik. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(7).
- Keraf, G. (2007). Diksi dan gaya bahasa, kompisisi lanjutan 1. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Marjan, Muhammad Saleh & Azis. (2021, Oktober). Penggunaan Gaya Bahasa Sindiran dalam Webtoon Pak Guru Inyong Karya Anggoro Ihank. *Jurnal Pembelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(3), 2720-9377

- Nazurah Hassan. (2021, September 19). Maksud Generasi X, Y, Z, Baby Boomers & Perbezaannya Menurut Pakar. SirapLimau.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid.(2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perunggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2). Pp 146-159. ISSN 1675-751
- Norinawati Binti Kamarulzaman. (2007). Kajian: Bagaimana Filem Menyampaikan Kesan Psikologi Seorang Watak Terhadap Penonton.
- Nur Atikah Mohd Noor. (2010, November 06). Definisi Bahasa dan Linguistik [Slaid powerpoint]. SlideShare.
- Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam Media Sosial: Perspektif Lakuan Bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 36(2), 269-288.
- Rahman Shaari. (2002). Bimbingan Istilah Sastera. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sarjana Press Sdn. Bhd.
- Saidatun Aishah, Nurizzati et. al. (Mac 31, 2022). Penggunaan Ragam Bahasa Sindiran dalam Kalangan Pengguna Twitter. Kolokium Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu 2022.
- Siti Norsyahida dan Nor Azuwan. (2017). *Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog*.
- Tarigan, Henry Guntur. (2009). Pengajaran Gaya Bahasa. Bandung: Angkasa